Ham Ah Lui lwn Ham Tham Moo @ Ham Wee Boo dan satu lagi dan guaman lain

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — GUAMAN SIVIL NO 22–101 TAHUN 2005, 22–69 TAHUN 2002 DAN 22–70 TAHUN 2002
AHMADI ASNAWI PK
15 JUNE 2009

Syarikat dan Perbadanan — Resolusi — Penjualan tanah — Keputusan dibuat ahli-ahli lembaga pengarah syarikat — Sama ada mengikat plaintif — Sama ada plaintif diestop membangkitkan isu tersebut

Syarikat dan Perbadanan — Saham — Pindah milik saham — Tuduhan — Fraud — Sama ada defendan melakukan fraud dalam pindah milik saham kepunyaan plaintif dan didaftarkan atas nama defendan — Sama ada plaintif berhak mendapat sejumlah wang bersamaan 32% pegangan sahamnya dalam syarikat — Sama ada defendan secara fraud mendaftarkan tanah-tanah kepunyaan syarikat kepada dirinya sendiri — Sama ada plaintif boleh menuntut kepentingan sebanyak 32% atas hasil jualan tanah — Sama ada kepentingan benefisial atas tanah dimiliki plaintif

Pertikaian di antara plaintif dengan defendan, yang merupakan adik-beradik, adalah berhubung dengan satu syarikat milik keluarga mereka yang dikenali sebagai Ngee Juan Sdn Bhd ('syarikat tersebut'). Plaintif mendakwa bahawa defendan telah melakukan fraud dalam memindah milik saham-saham kepunyaannya dalam syarikat tersebut dan juga harta-harta/aset yang dimiliki oleh syarikat tersebut. Syarikat tersebut ditubuhkan oleh empat adik-beradik iaitu Ham Peng, Ham Ah Nee ('PW2'), plaintif dan defendan. Semasa ditubuhkan, syarikat tidak mempunyai sebarang aset tetapi pemegang-pemegang saham iaitu empat adik beradik tersebut telah bersetuju untuk memindahkan hartanah-hartanah mereka kepada syarikat atas balasan mereka diberikan saham dalam syarikat tersebut. Ham Peng telah menjual keseluruhan sahamnya dalam syarikat kepada PW2. Plaintif turut mendakwa membiayai pembelian saham-saham Ham Peng tersebut. Selepas penjualan saham-saham kepunyaan Ham Peng, pegangan saham syarikat tersebut kemudiannya telah distruktur semula. Kedudukan pemegangan saham-saham syarikat pada waktu syarikat digulungkan adalah seperti berikut; PW2 memegang 36% saham atas nama syarikat beliau Jujuj Sdn Bhd; plaintif memegang sebanyak 32% saham; defendan sebanyak 31.99% dan mendiang ibu mereka sebanyak 00.01% saham. Plaintif menyatakan bahawa sekembalinya ke tanah air dari bertugas di Jepun, dia mendapati bahawa pegangan sahamnya sebanyak 32% dalam syarikat tersebut telah

dipindah milik dan didaftarkan atas nama defendan. Beliau juga mendapati hanya dua pemegang saham yang tertinggal di syarikat tersebut, iaitu defendan yang memegang 64% dan PW2 yang memegang 36% saham. Plaintif mendakwa bahawa defendan telah secara fraud memindah milik kesemua saham kepunyaannya sebanyak 340,000 (32% pemegangan asal) dan mendaftarkan atas nama defendan tanpa kebenaran atau pengetahuan beliau (plaintif). Plaintif menuntut wang sejumlah RM217,269.55 yang bersamaan dengan pemegangan sahamnya sebanyak 340,000, iaitu 32% dari jumlah keseluruhan saham syarikat tersebut. Plaintif seterusnya mendakwa bahawa defendan kemudiannya secara fraud serta tanpa kebenaran dan pengetahuannya telah memindah milik dan mendaftarkan 1/3 bahagiannya atas tanah C, tanah hak milik syarikat kepada dirinya sendiri dan selanjutnya telah mendisposkan 1/3 bahagian tanah tersebut kepada pihak-pihak ketiga pada harga RM6,000 seekar. Ekoran daripada itu plaintif telah menuntut, antara lain, pengembalian hasil jualan 1/3 bahagian tanah yang telah dilupuskan oleh defendan berjumlah RM56,627.84. Defendan dalam menjawab berhujah bahawa tujuan pindah milik tersebut adalah untuk menyenangkan proses pengulungan syarikat tersebut apabila semua aset-aset syarikat dilupuskan dan saham-saham dipindahkan. Defendan seterusnya berhujah bahawa tuntutan plaintif adalah tidak berasas sama sekali kerana semasa syarikat tersebut digulungkan secara sukarela, plaintif telahpun menandatangani dan memindah milik keseluruhan saham-saham milik beliau sebanyak 32% tersebut kepada defendan. Maka dengan itu plaintif tidak mempunyai hak sama sekali untuk menuntut sebarang harta/aset dalam syarikat tersebut sama ada sebelum atau selepas syarikat tersebut digulungkan.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif denagn kos:

(1) Keterangan PW2 adalah konsisten dengan keterangan plaintif yang mendakwa bahawa pada setiap masa yang material beliau berada di Jepun kerana bertugas di sana dan tidak pernah pada bila-bila masa menandatangani borang pindah milik ini atau melihat borang pindah milik ini sehinggalah beliau membuat carian di pejabat pendaftar syarikat sekembalinya ke tanah air atau ada sesiapa membawa borang tersebut kepada beliau untuk ditandatangani atau ada memberi arahan kepada sesiapa untuk memindah milik saham-sahamnya kepada defendan (lihat perenggan 18).

(2) PW2 adalah seorang saksi yang bercakap benar. Beliau tidak menerima sebarang faedah atau keuntungan atau kelebihan dari transaksi ini. Apa yang beliau perolehi hanyalah haknya yang bersamaan dengan pemegangan sahamnya dalam syarikat tersebut yang berjumlah 36% dari jumlah keseluruhan saham syarikat. Pun begitu beliau tidak

mengaut hak plaintif yang dipindahkan kepada defendan. Dengan itu mahkamah menerima keterangan PW2 tanpa keraguan (lihat perenggan 17).

(3) Tindakan-tindakan plaintif setelah mendapati tandatangannya telah dipalsukan adalah konsisten dengan isu pemalsuan tersebut. Beliau telah membuat laporan polis dan juga laporan kepada suruhanjaya syarikat. Defendan sendiri mengakui telah disoal siasat oleh pihak polis dan suruhanjaya syarikat ekoran daripada laporan-laporan plaintif di atas (lihat perenggan 21).

(4) Adalah amat jelas bahawa defendan telah melakukan fraud dan plaintif telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa saham-sahamnya telah dipindah milik oleh defendan kepada dirinya sendiri secara fraud. Dengan itu plaintif adalah berhak untuk menuntut daripada defendan wang sejumlah RM228,179.38 yang bersamaan dengan 32% pegangan saham beliau di dalam syarikat tersebut berdasarkan kepada nilai syarikat sewaktu digulungkan sebanyak RM713,060.57 (lihat perenggan 19 & 22).

(5) Transaksi penjualan tanah C oleh syarikat kepada defendan adalah teratur. Plaintif oleh itu gagal untuk menunjukkan defendan telah melakukan apa-apa salahlaku atau perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada fraud dalam transaksi ini (lihat perenggan 34).

(6) Keputusan syarikat tersebut untuk menjual tanah C dengan harga RM6,000 seekar bukanlah keputusan sendirian defendan tetapi keputusan bersama syarikat yang dibuat melalui satu resolusi yang khusus yang turut ditandatangani oleh mendiang ibu dan juga PW2. Dalam keadaan ini plaintif di estop dari membangkitkan isu ini. Dia perlu akur dengan keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli lembaga pengarah syarikat tersebut yang juga menjadi pemegang-pemegang saham utama syarikat (lihat perenggan 34).

(7) Oleh kerana plaintif memegang 32% saham syarikat daripada jumlah keseluruhan saham syarikat tersebut maka beliau turut memiliki kepentingan sebanyak 32% ke atas tanah C tersebut. Dengan demikian plaintif adalah berhak menerima wang hasil jualan tanah C tersebut berdasarkan kepada bahagian 32% yang dimiliki oleh plaintif melalui pemegangan 32% sahamnya dalam syarikat tersebut yang berjumlah RM56,627.84. Dalam apa jua keadaan, defendan hanya memegang kepentingan plaintif atas tanah C tersebut atas amanah sahaja. Kepentingan benefisial di atas tanah tersebut tetap dimiliki oleh plaintif (lihat perenggan 35).

[English summary

The dispute between the plaintiff and the defendant, who were siblings, were in relation to a company owned by their family known as Ngee Juan Sdn Bhd

('the company'). The plaintiff claimed that the defendant had committed fraud in transferring his shares into the company as well as the properties/assets owned by the company. The company was incorporated by four siblings ie Ham Peng, Ham Ah Nee ('PW2'), the plaintiff and the defendant. At the time it was incorporated, the company had no assets but the shareholders ie the four siblings had agreed to transfer their properties to the company in consideration that they be given shares in the company. Ham Peng had sold all his shares in the company to PW2. The plaintiff also alleged to have financed the purchase of Ham Peng's shares. After the disposal of the shares owned by Ham Peng, the company's shareholding was thereafter restructured. The status of the company's shareholding at the time the company was wound up were as follows: PW2 held 36% of the shares in the name of his company Jujuj Sdn Bhd; the plaintiff held 32% of the shares; the defendant held 31% and their late mother held 00.01% of the shares. The plaintiff stated that upon returning to his homeland from his duty in Japan, he found that his shareholding of 32% in the company had been transferred and registered in the defendant's name. He also found that there were only two shareholders left in the company, ie the defendant who held 64% and PW2 who held 36% of the shares. The plaintiff claimed that the defendant had fraudulently transferred all of his 340,000 shares (32% of the original holding) and had registered it in the defendant's name without his approval or knowledge (the plaintiff). The plaintiff claimed for a sum of RM217,269.55 equivalent to his shareholding of 340,000, ie 32% from the overall amount of the company's shares. The plaintiff further claimed that the defendant had thereafter fraudulently and without his approval and knowledge transferred and registered 1/3 of his portion in land C, the land owned by the company to himself and further disposed 1/3 of the said land to a third party for the price of RM6,000 per acre. As a result, the plaintiff claimed, inter alia, for the recovery of the proceeds of sale of 1/3 of the land which had been disposed by the defendant at RM56,627.84. The defendant in reply submitted that the intention of the transfer was to ease the process of winding up the company once all the assets of the company were disposed and the shares transferred. Further the defendant submitted that the plaintiff's claim had no basis whatsoever as at the time the company was voluntarily wound up, the plaintiff had duly signed and transferred the whole 32% of his shares to the defendant. Therefore the plaintiff had no right whatsoever to claim any property/asset in the company whether before or after the winding up of the company.

Held, allowing the plaintiff's claim with costs:

(1) PW2's evidence was consistent with the plaintiff's evidence which claimed that at all material time he was in Japan on duty and had at no time signed the transfer form or seen the transfer form until he made a search at the registry of companies upon his return to the country or

had anyone brought the form to him to be signed or had given instructions to anyone to transfer his shares to the defendant (see para 18).

(2) PW2 was a truthful witness. He did not gain any benefit or profit or advantage from this transaction. He could only obtain his right equivalent to his shareholding in the company for 36% of the overall company shares. Nevertheless he did not deprive the plaintiff's right which was transferred to the defendant. Therefore the court accepted PW2's evidence without any doubt (see para 17).

(3) The plaintiff's actions after realising that his signature had been forged were consistent with the forgery issue. He had made a police report as well as a report to the companies commission. The defendant himself admitted that he had been interrogated by the police and the companies commission following the plaintiff's reports (see para 21).

(4) It was obvious that the defendant had committed fraud and that the plaintiff had proved beyond reasonable doubt that his shares had been transferred by the defendant to himself fraudulently. Therefore the plaintiff had a right to claim against the defendant monies for a sum of RM228,179.38 equivalent to 32% of his shareholding in the company based on the value of the company at the time of winding up at RM713,060.57 (see paras 19 & 22).

(5) The disposal transaction of land C by the company to the defendant was above board. The plaintiff had therefore failed to show that the defendant had committed any misconduct or actions leading to fraud in this transaction (see para 34).

(6) The decision of the company to sell land C at RM6,000 per acre was not decided solely by the defendant but by a joint decision made with the company through a specific resolution which had also been signed by their late mother and PW2. In this circumstance the plaintiff was estopped from raising this issue. He should agree with the decision made by the company's board members who were also the main shareholders of the company (see para 34).

(7) As the plaintiff held 32% of the company's shares from the overall shares of the company hence he too owned the 32% interest on land C. Therefore the plaintiff had a right to receive the monies from the proceeds of sale of land C based on the 32% share owned by the plaintiff through his 32% shareholding in the company for a sum of RM56,627.84. In any circumstance, the defendant only held the plaintiff's interest in land C on trust. The beneficiary's interest in the land remained the ownership of the plaintiff (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes–kes mengenai pindah milik saham, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 905–933.

Untuk kes–kes mengenai resolusi, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 724–733.

Mohd Tajuddin bin Abd Razak (Sara Idylla bt Isbah bersamanya) (Haniff Khatri) bagi pihak plaintif.

Atikah bt Osman (Atikah Lau & Chai) bagi pihak defendan pertama.

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Pertikaian dalam ketiga-tiga tindakan ini antara plaintif dengan defendan yang merupakan adik-beradik adalah berhubung dengan satu syarikat milik keluarga mereka yang dikenali sebagai Ngee Juan Sdn Bhd ('syarikat tersebut') yang ditubuhkan pada 8 April 1997 dan telah digulungkan secara sukarela pada 21 Februari 1990. Defendan kedua dalam Guaman Sivil No 22–101 Tahun 2005 juga adalah adik kepada plaintif. Namun tindakan terhadap defendan kedua telah ditarik balik. Defendan kedua kemudiannya memberi keterangan bagi pihak plaintif sebagai PW2.

LATAR BELAKANG

[2] Dalam ketiga-tiga tindakan ini plaintif telah mendakwa bahawa defendan telah melakukan *fraud* dalam memindahmilik saham-saham kepunyaannya dalam syarikat tersebut dan juga harta-harta/aset yang dimiliki oleh syarikat tersebut.

[3] Syarikat ini telah ditubuhkan oleh empat adik-beradik iaitu Ham Peng, Ham Ah Nee (PW2), plaintif dan defendan. Semasa ditubuhkan syarikat tidak mempunyai sebarang aset tetapi pemegang-pemegang saham pada waktu itu (Ham Peng, PW2, plaintif dan defendan) telah bersetuju untuk memindahkan hartanah-hartanah mereka kepada syarikat atas balasan mereka diberikan saham dalam syarikat tersebut (lihat perjanjian bertarikh 12 September 1977, item 1, lampiran 29).

[4] Pada 26 Oktober 1979 Ham Peng telah menjual keseluruhan sahamnya dalam syarikat kepada PW2 melalui borang pindah milik saham berserta sijil saham yang dibatalkan di item 3, lampiran 29. Plaintif turut mendakwa membiayai pembelian saham-saham Ham Peng tersebut.

[5] Selepas penjualan saham-saham kepunyaan Ham Peng, pegangan saham syarikat tersebut kemudiannya telah distruktur semula di mana PW2

memegang 36% saham atas nama syarikat beliau Jujuj Sdn Bhd, plaintif memegang sebanyak 32% saham, defendan sebanyak 31.99% dan mendiang ibu mereka — Loy Jee Wang, sebanyak 00.01% saham. Inilah kedudukan pemegangan saham-saham syarikat pada waktu syarikat digulungkan.

ASET SYARIKAT

[6] Semasa masih beroperasi, syarikat memiliki hartanah-hartanah berikut:

(a) Geran 15993 Lot 38 seluas 84.5 ekar (pihak-pihak bersetuju hartanah ini dirujuk sebagai 'tanah A'). Hartanah ini merupakan *subject matter* tuntutan plaintif dalam Guaman Sivil 22–69 Tahun 2002. Walau bagaimanapun plaintif telah mengakui menerima wang sejumlah RM170,220 daripada defendan sebagai wang hasil jualan tanah A. Dengan itu plaintif mengugurkan tuntutannya atas tanah A dalam Guaman Sivil No 22–69 Tahun 2002.

(b) Geran 23654 Lot 4268 seluas 24.93 ekar (pihak-pihak bersetuju hartanah ini dirujuk sebagai 'tanah B') Hartanah ini telah dijual dan dipindah milik kepada plaintif, defendan dan PW2 dengan masing-masing mendapat 1/3 bahagian. Geran-geran baru atas nama individu masing-masing telah dikeluarkan seperti berikut:

(i) HS(D) 15937, didaftarkan atas nama PW2;

(ii) HS(D) 15938, didaftarkan atas nama defendan; dan

(iii) HS(D) 15939, didaftarkan atas nama plaintif.
Hartanah atas geran HS(D) 15939 yang didaftarkan atas nama plaintif di atas merupakan *subject matter* tuntutan plaintif terhadap defendan dalam Guaman Sivil No 22–70 Tahun 2002. Walau bagaimanapun, saya telah menolak tuntutan ini dengan kos. Tidak ada mana-mana pihak yang memfailkan rayuan di atas keputusan ini. Dengan itu saya tidak akan menyentuh hartanah ini/guaman sivil ini dalam penghakiman saya ini.

(c)

(i) Geran 24565 Lot 5166 — seluas 7 ekar

(ii) Geran 24566 Lot 5107 — seluas 5 ekar

(iii) Geran 24567 Lot 5168 — seluas 5 ekar

(iv) Geran 24568 Lot 5169 — seluas 3.8 ekar

(v) EMR 2350 Lot 4105 — seluas 8.6 ekar
(Pihak-pihak bersetuju hartanah ini dirujuk sebagai 'tanah C')

Tanah C ini dan tanah A di atas merupakan *subject matter* tuntutan plaintif terhadap defendan dalam Guaman Sivil No 22–69 Tahun 2002. Walaubagaimanapun seperti dikatakan di atas, plaintif telah mengugurkan tuntutan atas tanah A. Saya telah membenarkan tuntutan plaintif ke atas tanah C ini dengan kos. Keputusan ini telah dirayukan oleh defendan ke Mahkamah Rayuan.

GUAMAN SIVIL NO 22–101 TAHUN 2005

[7] Plaintif menyatakan beliau bertugas di negara Jepun mulai 1984 dan hanya kembali ke tanah air pada 1992. Setelah mendapat maklumat dari PW2 akan tindakan-tindakan defendan yang mencurigakan, beliau telah membuat carian dengan pendaftar syarikat dan mendapati bahawa pegangan sahamnya sebanyak 32% dalam syarikat tersebut telah dipindah milik dan didaftarkan atas nama defendan kira-kira dalam bulan April 1989. Beliau juga mendapati hanya dua pemegang saham yang tertinggal di syarikat tersebut, iaitu defendan yang memegang 64% dan PW2 yang memegang 36% saham. Beliau turut menyatakan bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa pun menandatangani sebarang borang memindah milik saham-saham beliau di syarikat tersebut atau menjual saham-sahamnya kepada defendan.

[8] Seterusnya beliau menyatakan dari laporan likuidasi mengenai pengembalian aset yang berbaki bertarikh 21 Februari 1990, syarikat mempunyai nilai cairan tunai berbaki sebanyak RM713,060.57. Dari jumlah ini beliau mendapati bahawa defendan telah menerima wang sebanyak RM455,915.03 bersamaan dengan pemegangan sahamnya sebanyak 640,000 (64%) dan PW2 telah menerima wang sebanyak RM256,452.54 bersamaan dengan pemegangan sahamnya sebanyak 360,000 (36%).

[9] Plaintif mendakwa bahawa defendan telah secara fraud memindah milik kesemua saham kepunyaannya sebanyak 340,000 (32% pemegangan asal) dan mendaftarkan atas nama defendan tanpa kebenaran atau pengetahuan beliau (plaintif).

[10] Dengan demikian beliau menuntut sejumlah wang RM217,269.55 yang bersamaan dengan pemegangan sahamnya sebanyak 340,000, iaitu 32% dari jumlah keseluruhan saham syarikat tersebut daripada defendan yang telah memindah milikan saham-saham tersebut dan mendaftarkan ke atas namanya (defendan) dengan secara fraudAtikah Lau & Chai.

[11] Defendan menyatakan bahawa penggulungan syarikat tersebut telah dibuat mengikut undang-undang dan notis penggulungan telah disiarkan di akhbar seperti item 6 lampiran 30. Melalui resolusi syarikat bertarikh 25

Oktober 1988 (item 7 lampiran 29) mendiang ibu dan plaintif telah meletakkan jawatan sebagai pengarah syarikat dan hanya dua pengarah yang tinggal iaitu beliau sendiri dan PW2. Seterusnya melalui resolusi syarikat bertarikh 19 November 1988 (item 6 lampiran 29) yang ditandatangani oleh beliau sendiri dan PW2, saham-saham ibunya telah dipindah milik kepada beliau dan saham-saham Jujuj Sdn Bhd telah dipindah milik kepada PW2. Melalui resolusi syarikat bertarikh 21 Januari 1989 (item 2, lampiran 24) yang ditandatangani oleh beliau dan PW2, saham-saham plaintif sebanyak 320,000 telah dipindah milik dan didaftarkan atas nama beliau (defendan).

[12] Menurut defendan tujuan pindah milik saham-saham tersebut adalah untuk menyenangkan proses penggulungan syarikat tersebut yang bermula pada bulan Jun 1989 apabila semua aset-aset syarikat dilupuskan dan saham-saham dipindahkan.

[13] Berkenaan dengan dakwaan beliau telah melakukan fraud dalam memindah milik saham-saham plaintif kepada dirinya, defendan menegaskan bahawa item 3, lampiran 24 bertarikh 21 Januari 1989 adalah borang pindah milik saham-saham plaintif kepadanya. Beliau telah menandatangani borang ini dengan disaksikan oleh setiausaha syarikat. Kemudian beliau telah memberikan borang ini kepada PW2 untuk PW2 mengemukakan kepada plaintif dan meminta plaintif untuk menandatangani borang tersebut. Beliau turut memberikan RM64,000 kepada PW2 untuk diberikan kepada plaintif sebagai balasan untuk saham-saham tersebut. Walau bagaimanapun PW2 hanya memberikan RM53,906.87 kepada plaintif setelah membuat pelbagai tolakan.

[14] Defendan meneruskan bahawa PW2 telah mengembalikan borang tersebut kepada beliau, siap dengan tandatangan plaintif dan juga tandatangan PW2 yang menurunkan tandatangannya sebagai saksi.

[15] Defendan menghujahkan bahawa dalam keadaan sebegini, tuntutan plaintif adalah tidak berasas sama sekali kerana semasa syarikat tersebut digulungkan secara sukarela, PW1 bukan lagi pemegang saham dalam syarikat tersebut di mana plaintif telahpun menandatangani dan memindah milik keseluruhan saham-saham milik beliau sebanyak 32% tersebut kepada defendan sepertimana dibuktikan melalui borang pindah milik item 3 lampiran 24. Maka dengan itu plaintif tidak mempunyai hak sama sekali untuk menuntut sebarang harta/aset dalam syarikat tersebut sama ada sebelum atau selepas syarikat tersebut digulungkan.

[16] Namun saya mendapati bahawa hujahan defendan di atas tidak dapat dipertahankan atau disokong oleh keterangan-keterangan yang ada. PW2 menyatakan bahawa beliau menandatangani borang pindah milik tersebut

sebagai saksi kerana percaya defendan telah mendapatkan segala dokumen yang perlu daripada plaintif bagi mengefekkan pemindahan saham-saham tersebut memandangkan defendan adalah pengarah urusan syarikat tersebut dan adalah menjadi tanggungjawabnya untuk melaksanakan segala yang perlu bagi memfasilitasikan pemindahan saham-saham tersebut. Walaupun semasa disoal balas PW2 menyatakan bahawa plaintif telah menandatangani borang pindah milik tersebut dihadapannya dan beliau menyaksikannya, namun semasa disoal semula beliau telah membuat pembetulan dan menyatakan bahawa plaintif tidak menandatangani borang pindah milik itu dihadapannya. Borang pindah milik itu telah dibawa kepadanya oleh defendan lengkap dengan tandatangan plaintif. Saya menerima pembetulan ini kerana ia adalah konsisten dengan keterangannya semasa pemeriksaan utama seperti jawapan-jawapannya kepada soalan-soalan 15 dan 16 kenyataan saksinya (DWS2). PW2 juga menyatakan beliau tidak menerima wang sebanyak RM64,000 daripada defendan dan pada akhirnya menyerahkan wang sebanyak RM53,906.87 kepada plaintif seperti didakwa oleh defendan. Beliau hanya menandatangani borang pindah milik itu sebagai saksi setelah mendapati borang itu telah lengkap ditandatangani oleh plaintif.

[17] Saya mendapati PW2 adalah seorang saksi yang bercakap benar. Beliau tidak menerima sebarang faedah atau keuntungan atau kelebihan (advantage) dari transaksi ini. Apa yang beliau perolehi hanyalah haknya yang bersamaan dengan pemegangan sahamnya dalam syarikat tersebut yang berjumlah 36% dari jumlah keseluruhan saham syarikat. Pun begitu beliau tidak mengaut hak plaintif yang dipindahkan kepada defendan. Dengan itu saya menerima keterangan PW2 tanpa keraguan.

[18] Keterangan PW2 adalah konsisten dengan keterangan plaintif yang mendakwa bahawa pada setiap masa yang material beliau berada di Jepun kerana bertugas di sana dan tidak pernah pada bila-bila masa menandatangani borang pindah milik ini atau melihat borang pindah milik ini sehinggalah beliau membuat carian di pejabat pendaftar syarikat sekembalinya ke tanah air atau ada sesiapa membawa borang tersebut kepada beliau untuk ditandatangani atau ada memberi arahan kepada sesiapa untuk memindah milik saham-sahamnya kepada defendan.

[19] Apakah inferens yang boleh diinfer dari keseluruhan keterangan dan hal ehwal keadaan kes ini berhubung dengan tandatangan plaintif dalam borang pindah milik tersebut? Saya mendapati satu-satunya inferens yang boleh dibuat ialah defendan telah memalsukan tandatangan plaintif dalam borang pindah milik berkenaan. Jelas defendan telah melakukan fraud dan

plaintif telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa saham-sahamnya telah dipindah milik oleh defendan kepada dirinya sendiri secara fraud.

[20] Inferens ini disokong dengan keterangan lanjut PW2 bahawa defendan tidak memberikan kepadanya wang tunai RM64,000 bersama borang berkenaan untuk diberikan kepada plaintif di Singapura seperti dakwaan defendan. Membawa wang tunai sebanyak RM64,000 ke Singapura adalah tidak munasabah. Lebih-lebih lagi bila wang itu boleh diberikan kepada plaintif melalui *telegraphic transfer* seperti dilakukan oleh defendan sebelum itu berhubung dengan hasil jualan tanah A. Isu ini menunjukkan kredibiliti defendan adalah meragukan. Lebih-lebih lagi bila tiada sebarang dokumen untuk menunjukkan wujudnya wang RM64,000 tersebut.

[21] Tindakan-tindakan plaintif setelah mendapati tandatangannya telah dipalsukan adalah konsisten dengan isu pemalsuan tersebut. Beliau telah membuat laporan polis pada 11 November 1998 (item 16, lampiran 28, ms 55) dan juga membuat laporan kepada suruhanjaya syarikat pada 18 November 1998 (item 25 lampiran 28, ms 71–72). Defendan sendiri mengakui telah disoal siasat oleh pihak polis dan suruhanjaya syarikat ekoran daripada laporan-laporan plaintif di atas. Demikian juga PW2 telah disoalsiasat oleh pihak polis dan suruhanjaya syarikat kerana pada waktu yang material tersebut PW2 adalah juga pengarah syarikat tersebut. Perihal plaintif tidak mengambil tindakan untuk membawa borang pindah milik itu ke Jabatan Kimia untuk pakar tulisan tangan menganalisa tandatangannya adalah tidak relevan kerana dari awal-awal lagi plaintif mendakwa tidak pernah melihat borang pindah milik tersebut, tidak pernah menurunkan tandatangannya atas borang tersebut dan tandatangan tersebut bukanlah tandatangan beliau walaupun tandatangan tersebut adalah mirip kepada tandatangan beliau.

[22] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya mendapati amat jelas bahawa defendan telah memindah milik saham-saham plaintif kepada dirinya (defendan) secara fraud. Dengan itu plaintif adalah berhak untuk menuntut daripada defendan sejumlah wang sebanyak RM228,179.38 yang bersamaan dengan 32% pegangan saham beliau di dalam syarikat tersebut berdasarkan kepada nilai syarikat sewaktu digulungkan sebanyak RM713,060.57 (item 14, lampiran 28, ms 52–53).

[23] Keterangan defendan bahawa nilai syarikat tersebut sebanyak RM713,060.57 adalah nilai kosong atau 'shelf' sahaja kerana syarikat tidak mempunyai wang atau aset ketika digulungkan tidak dapat dipertahankan kerana PW2 sendiri menyatakan bahawa beliau telah menerima RM256,452.54 yang bersamaan dengan pegangan sahamnya sebanyak 36%

dari keseluruhan saham syarikat kira-kira satu bulan selepas syarikat digulungkan. Begitu juga PW2 telah menyatakan bahawa defendan sendiri telah menerima RM455,915.63, yakni 64% dari keseluruhan saham (dicampur dengan pegangan saham plaintif sebanyak 32% yang telah dipindah milik ke atas nama defendan). Keterangan PW2 berkaitan dengan isu ini tidak dicabar oleh pihak defendan.

[24] Selanjutnya item 14 lampiran 28 di ms 52–53 iaitu laporan mengenai perjumpaan akhir — Borang 69, bertarikh 9 Jun 1980 yang telah dimasukkan sebagai keterangan adalah keterangan konklusif menunjukkan aset-aset berbaki syarikat selepas syarikat tersebut digulungkan. Sekiranya defendan mempertikaikannya, beliau perlulah memanggil pelikuidasi yang menyediakan laporan tersebut untuk memberikan penerangan apa sebetulnya yang masih berbaki. Namun defendan gagal untuk berbuat demikian. Laporan ini menunjukkan syarikat tersebut mempunyai nilai cairan tunai berbaki sebanyak RM713,060.57 selepas syarikat digulungkan.

[25] Keterangan defendan yang menyatakan bahawa plaintif telah dibayar sebanyak RM170,220 bersama wang tunai RM64,000 telah menjadikan saham plaintif sebanyak 32% tersebut menjadi saham kosong adalah tidak berasas sama sekali. Ini adalah kerana wang RM170,220 tersebut adalah wang bahagian plaintif untuk penjualan tanah A yang tidak menjadi pertikaian di sini. Berkaitan dengan wang RM64,000 pula PW2 menyatakan beliau tidak pernah menerima wang tersebut daripada defendan untuk diberikan kepada plaintif di Singapura. Juga tidak ada bukti untuk menunjukkan wujudnya wang RM64,000 ini dan plaintif sama sekali menafikan pernah menerima wang ini pada bila-bila masa baik daripada defendan mahupun daripada PW2.

[26] Seterusnya sekiranya RM64,000 itu adalah nilai saham syarikat yang dipegang oleh plaintif, maka isu yang berbangkit ialah bagaimana nilaian RM64,000 itu diperolehi? Apakah asas yang digunakan untuk menilai saham-saham yang dipegang oleh plaintif tersebut? Pegangan saham syarikat oleh plaintif adalah 32%, sama dengan jumlah pegangan saham yang dipegang oleh defendan sebelum saham-saham yang dipegang oleh plaintif dipindah milik kepada defendan secara fraud. Dalam keadaan begitu sewajarnya nilaian saham yang dipegang oleh plaintif hendaklah sama dengan nilaian saham yang dipegang oleh defendan iaitu RM228,179.38, separuh dari RM455,915.63.

[27] Dengan itu saya membenarkan tuntutan plaintif dengan kos dalam Guaman Sivil No 22–101 Tahun 2005. Defendan adalah diperintahkan untuk membayar RM228,179.38 kepada plaintif yang bersamaan dengan 32% pegangan sahamnya dalam syarikat tersebut ketika syarikat digulungkan

dengan faedah pada kadar 8%pa ke atas jumlah tersebut bermula dari 27 Februari 1990 hingga penjelasan yang sepenuhnya.

GUAMAN SIVIL 22–69 TAHUN 2002

[28] Tuntutan plaintif dalam guaman ini adalah berkaitan dengan tanah C yang merangkumi:

(i) Geran 24565 Lot 5166 — seluas 7 ekar

(ii) Geran 24566 Lot 5107 — seluas 5 ekar

(iii) Geran 24567 Lot 5168 — seluas 5 ekar

(iv) Geran 24568 Lot 5169 — seluas 3.8 ekar

(v) Geran 2350 Lot 4105 — 8.6 ekar

[29] Plaintif mendakwa melalui pemegangan saham-saham syarikat masing-masing, keseluruhan tanah-tanah di atas telah dibahagikan 1/3 bahagian setiap seorang antara beliau, PW2 dan defendan walaupun tanah-tanah itu tidak didaftarkan atas nama masing-masing. Hak/kepentingannya di atas tanah ini adalah selari dan terikat dengan pemegangan sahamnya dalam syarikat oleh kerana tanah C ini adalah tanah milik syarikat. Keterangan ini telah disokong oleh keterangan PW2. Bahagian mereka berdua kemudiannya telah dipindahkan kepada defendan secara amanah melalui *deed of trust* (item 15 ms 41–42 lampiran 24) bagi tujuan mendapatkan geran pemegang kecil penanaman semula kelapa sawit dan subsidi daripada RISDA yang mana keseluruhan 29.5 ekar tanah tersebut mestilah digabungkan di bawah satu hak milik RISDA.

[30] Plaintif seterusnya mendakwa bahawa defendan kemudiannya secara fraud serta tanpa kebenaran dan pengetahuannya telah memindah milik dan mendaftarkan 1/3 bahagiannya atas tanah-tanah tersebut kepada dirinya sendiri dan selanjutnya telah mendisposkan 1/3 bahagian tanah tersebut kepada pihak-pihak ketiga pada harga RM6,000 seekar.

[31] Ekoran daripada itu plaintif telah memohon pelbagai relief daripada mahkamah ini sepertimana diperincikan dalam perenggan 24(a) hingga (j) penyata tuntutannya dan pada akhirnya menuntut pengembalian hasil jualan 1/3 bahagian tanah yang telah dilupuskan oleh defendan berjumlah RM56,627.84.

[32] Walau bagaimanapun keterangan menunjukkan bahawa melalui *deed of trust* bertarikh 1 November 1983 (item 15 lampiran 24) syarikat telah memindah milik keseluruhan tanah C kepada defendan tanpa balasan seperti

di Borang 14A bertarikh 1 November 1983 (item 16 lampiran 24) bagi tujuan untuk mendapatkan dana penanaman semula daripada RISDA. A

[33] Seterusnya melalui resolusi syarikat (item 13 lampiran 24) bertarikh 4 Julai 1988 yang ditandatangani oleh mendiang ibu, PW2 dan defendan, syarikat tersebut bersetuju untuk melupuskan tanah C pada harga terbaik yang ditawarkan. Kemudiannya syarikat tersebut telah bersetuju untuk menjual tanah C kepada defendan pada harga RM6,000 seekar melalui resolusi syarikat (item 14 lampiran 24) bertarikh 1 Ogos 1988. PW2 telah menandatangani perjanjian jual beli transaksi ini di antara syarikat tersebut dengan defendan pada 25 Oktober 1988 (item 17 lampiran 24). Syarikat tersebut bersetuju untuk menjual keseluruhan tanah C tersebut kepada defendan dengan harga RM176,962.50. B C

[34] Dalam keadaan seperti ini saya berpendapat transaksi penjualan tanah C oleh syarikat kepada defendan adalah teratur (above board). Plaintif gagal untuk menunjukkan defendan telah melakukan apa-apa salahlaku atau perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada fraud dalam transaksi ini. Perihal defendan sebagai pengarah urusan syarikat tersebut telah memanipulasikan keadaan yang wujud *to his advantage* hanyalah satu alegasi tanpa keterangan/bukti yang kukuh. Perihal defendan gagal untuk mendapatkan harga terbaik untuk tanah C tersebut yang dikatakan dijual dengan harga yang sama dengan tanah A yang jauh *inferior* kerana hanya ditanam dengan pokok-pokok getah berbanding dengan tanah C yang ditanam dengan kelapa sawit tidak menunjukkan defendan telah bertindak secara *fraudulent*. Lagipun keputusan syarikat tersebut untuk menjual tanah C dengan harga RM6,000 seekar bukanlah keputusan sendirian defendan tetapi keputusan bersama syarikat yang dibuat melalui satu resolusi yang khusus yang turut ditandatangani oleh mendiang ibu dan juga PW2 (lihat item 14 lampiran 24). Dalam keadaan seperti ini plaintif adalah diestop dari membangkit isu ini. Beliau perlu akur dengan keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli lembaga pengarah syarikat tersebut yang juga menjadi pemegang-pemegang saham utama syarikat. D E F G

[35] Atas alasan-alasan ini saya menolak pelbagai permohonan *declaratory reliefs* plaintif seperti dipohon melalui perenggan 24 penyata tuntutannya. Namun begitu oleh kerana plaintif memegang 32% saham syarikat dari jumlah keseluruhan saham syarikat tersebut maka beliau turut memiliki kepentingan sebanyak 32% ke atas tanah C tersebut. Dengan demikian plaintif adalah berhak menerima wang hasil jualan tanah C tersebut H I

berdasarkan kepada bahagian 32% yang dimiliki oleh plaintif melalui pemegangan 32% sahamnya dalam syarikat tersebut yang berjumlah RM56,627.84. Dalam apa jua keadaan, defendan hanya memegang kepentingan plaintif atas tanah C tersebut atas amanah sahaja (on trust). Kepentingan benefisial di atas tanah tersebut tetap dimiliki oleh plaintif.

[36] Plaintif menyatakan beliau tidak pernah menerima wang hasil jualan tanah C tersebut. Apa yang telah diterima hanyalah sejumlah RM170,220 untuk hasil jualan tanah A yang diterima melalui *telegraphic transfer* semasa beliau bertugas di Tokyo. Ketika tanah C dijual, plaintif pun masih bertugas di Tokyo.

[37] Sehubungan dengannya defendan menyatakan bahawa jumlah besar hasil jualan tanah A (RM507,187.50) dan tanah C (RM176,962) adalah RM684,149.50. Dari jumlah tersebut telah ditolak RM149,250 yang merupakan amaun terhutang oleh plaintif, defendan dan PW2 untuk harga belian tanah B yang telah dijual oleh syarikat tersebut kepada mereka. Jumlah bersih adalah RM534,899.50. Jumlah ini telah diagihkan mengikut pemegangan saham masing-masing iaitu kepada plaintif RM171,167.84 (32%) dan PW2 sebanyak RM192,563.82 (36%). Defendan menyatakan beliau telah pun menyerahkan bahagian plaintif sebanyak RM170,220 melalui *telegraphic transfer* setelah ditolak belanja *telegraphic transfer* tersebut. Maka defendan tidak terhutang apa-apa wang kepada plaintif dari hasil jualan tanah C tersebut.

[38] Setelah menghalusi perkiraan defendan di atas saya berpendapat keterangan defendan tersebut adalah tidak tepat serta tiada logik. 32% dari RM507,187.50 adalah RM162,300 dan 32% daripada RM176,962 adalah RM56,627.84. Jika dicampur, kedua-duanya menjadi RM218,927.84. Bagaimana defendan boleh memperolehi RM171,167.84 untuk kedua-dua jumlah tersebut adalah *mind boggling*. Nyata sekali defendan hanya berusaha untuk mengelirukan/menipu mahkamah dalam perkiraannya serta keterangannya.

[39] Apa pun defendan mengakui telah hanya membayar RM170,220 kepada plaintif, yang nyata untuk tanah A. Ini diakui oleh plaintif. Dengan ini juga nyata bahawa defendan tidak membayar RM56,627.84 untuk hasil jualan tanah C tersebut kepada plaintif dan plaintif adalah berhak ke atas wang ini.

[40] Seterusnya tanah C telah dijual kepada defendan pada 25 Oktober 1988 manakala tanah A dijual pada 3 Oktober 1988. Plaintif pula telah menerima wang hasil jualan tanah A pada 14 Oktober 1988. Maka adalah

tidak munasabah bagi defendan untuk membayar hasil jualan tanah C kepada plaintif bersekali dengan hasil jualan tanah A sebanyak RM170,220 pada 14 Oktober 1988 walhal pada masa itu penjualan tanah C kepada beliau masih belum lagi *dimaterialisekan* (perjanjian penjualan tanah C hanya ditandatangani pada 25 Oktober 1985).

[41] Selain daripada itu terdapat juga keterangan daripada defendan yang menyatakan bahawa beliau memberi wang sejumlah RM64,000 tunai kepada PW2 yang dinafikan oleh PW2, semasa memberikan borang pindah milik saham kepada PW2 untuk diserahkan kepada plaintif di Singapura. Namun defendan telah menyatakan di peringkat lain bahawa wang RM64,000 tersebut adalah balasan bagi pindah milik 32% saham plaintif kepada dirinya (sila lihat diskusi dalam Guaman Sivil 22–101 Tahun 2005 di atas). Nyata sekali keterangan defendan sukar untuk dipercayai. Isunya *which is which now*?

[42] Seterusnya apakah perlunya membawa wang tunai RM64,000 ke Singapura untuk diserahkan kepada plaintif jika wang itu boleh terus diserahkan secara langsung kepada plaintif melalui *telegraphic transfer* seperti yang beliau lakukan untuk pembayaran wang RM170,220 bagi hasil jualan tanah A? Juga kenapakah defendan tidak terus membayar RM64,000 terus kepada plaintif melalui *telegraphic transfer*?

[43] Nyata sekali keterangan-keterangan defendan seperti dihuraikan di perenggan-perenggan di atas amat *convoluted* hingga susah untuk diterima akal. Keterangannya penuh dengan kekeliruan dan pengeliruan dan hanya dihasratkan untuk mengelirukan mahkamah.

[44] Atas alasan-alasan di atas saya mendapati sebagai satu fakta bahawa defendan tidak membayar kepada plaintif wang RM56,627.84 untuk hasil jualan tanah C tersebut yang mana plaintif adalah berhak untuk memilikinya berdasarkan kepada pegangan 32% saham syarikat tersebut. Dengan itu saya membenarkan tuntutan plaintif dengan kos ke atas wang ini menurut perenggan 24(j) penyata tuntutan yang memberikan ruang yang cukup luas kepada mahkamah untuk memberikan apa-apa relief yang difikirkan adil, wajar lagi patut.

[45] Dengan itu saya memerintahkan supaya defendan membayar wang berjumlah RM56,627.84 dari hasil jualan tanah C kepada plaintif yang

bersamaan dengan 32% pegangan sahamnya dalam syarikat tersebut dengan faedah atas kadar 8%pa bermula daripada 8 April 1991 sehingga penjelasan yang sepenuhnya.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed